



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 1 DISEMBER 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	EKSPORT HASIL TANI JENAMA MADE IN JOHOR, DEWAN RAKYAT, HM -16 BINA 15 PUSAT PENGELUARAN BENIH IKAN, NASIONAL, SH -19	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
3.	BANGUNAN BAHARU FAMA RM220 JUTA, NASIONAL, SH -19	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
4. 5.	MARDI BAGS FOUR GOLD MEDALS, ONE SILVER AT ITEX 2020, THE BORNEO POST -ONLINE MARDI MENANG LIMA PINGAT DI INTEX 2020, NASIONAL, BH -16	INSTITUT KEMAJUAN DAN PENYELIDIKAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
6. 7. 8. 9. 10.	250 MATI SETIAP HARI, LOKAL, HM -17 POKOK PISANG MUSNAH, RUGI RM50,000, DALAM NEGERI, UM-30 PEKEBUN PISANG RUGI RM50,000, NEGARA, KOSMO -12 5 TAUKE TADIKA JADI PELADANG, COVID-19, HM -7 FIVE KINDY OPERATORS TURN TO FARMING, NATION, THE STAR -12	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/12/2020	HARIAN METRO	DEWAN RAKYAT	16

Ekspor hasil tani jenama *Made in Johor*

Iskandar Puteri: Semua produk pertanian negeri ini yang dieksport akan dijenamakan *Made in Johor*.

Menteri Besar, Datuk Hasni Mohammad berkata, produk pertanian yang dieksport akan ditambah nilai daripada segi pemprosesan, pembungkusan, keselamatan dan kualiti supaya ia diyakini, sekali gus menjadi pilihan baharu pasaran antarabangsa.

Sehubungan itu, beliau berkata, usaha itu akan di-

rintis menerusi pembangunan Agricultural Export Center (AE Center) bagi proses pensijilan dan kelulusan daripada jabatan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, dapat dijayakan.

“Inilah cadangan dan strategi kerajaan Johor bagi penjanaaan hasil baharu berasaskan perkhidmatan industri hiliran pertanian dan makanan negeri ini,” katanya.

Bangunan baharu FAMA RM220 juta

FAMA bakal miliki pejabat korporat baharu yang akan dibina di Kelana Jaya

Oleh AZIE YAHAYA

KUALA LUMPUR

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) bakal memiliki pejabat korporat baharu bernilai RM220 juta yang akan dibina di Kelana Jaya.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Dr Ronald Khande berkata, projek pembinaan melalui kaedah *land swap* itu dijangka siap pada tahun 2025.

"Kaedah pembinaan projek pejabat korporat FAMA adalah melalui 'land swap' iaitu tanah milik FAMA di Johor Bahru, Johor akan dipindah milik kepada pihak pemaju setelah pembinaan bangunan tersebut siap dilak-



Ronald (tengah) bersama Haslina dan Kristoffer (dua dari kanan) pada Majlis Menandatangani Dokumen Kontrak Perjanjian Konsesi Projek Pembinaan Bangunan Korporat dan Pusat Agromakanan FAMA di Kuala Lumpur semalam.

sanakan.

"Pelaksanaan projek ini tidak memberikan sebarang bebanan kewangan tambahan, malah kerajaan akan mendapat lebih sebanyak RM60 juta daripada kaedah pertukaran tanah yang dipersetujui itu," katanya pada Majlis Menandatangani Dokumen Kontrak Perjanjian Konsesi Projek Pembinaan Bangunan Korporat dan Pusat Agromakanan FAMA di sini semalam.

Hadir sarna, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Haslina Abdul Hamid; Pengerusi FAMA, Datuk Mohd Fasih Mohd Fakh dan Ketua Pengarah FAMA, Datuk Zainal Abidin Yang Razali serta Pengarah Urusan Syarikat Cita Information System Sdn Bhd, Datuk Kristoffer Nyuak Bajok.

Ronald berkata, projek pembinaan bangunan tersebut

telah dirancang sejak tahun 2011, namun terpaksa ditangguhkan akibat pelbagai kekangan.

Menurutnya, pihak kementerian amat prihatin masalah yang dihadapi FAMA ketika ini dari segi mobiliti, penguasaan sumber, ruang kerja yang terhad dan kos penyediaan ruang pejabat sedia ada menelan kos yang besar.

"Menyedari perkara itu, Mesyuarat Jemaah Menteri

pada 14 Ogos lalu telah meluluskan pembinaannya," katanya.

Beliau berkata, pembinaan bangunan itu bakal memberikan impak positif, bukan sahaja kepada kementerian, malah makna sangat besar kepada warga FAMA khususnya.

"Kakitangan FAMA semakin bertambah menyebabkan FAMA perlu berpindah pejabat dari satu tempat ke satu tempat yang lebih sesuai.

"Diharap dengan adanya bangunan baharu FAMA ini, ia akan mewujudkan sebuah ruang pejabat yang kondusif dan produktif serta mampu menempatkan kakitangan FAMA secara berpusat," katanya.

Beliau juga berharap agar segala usaha dan perancangan FAMA sebagai peneraju utama pemasaran makanan serta hasil pertanian dapat terus diperingkatkan.

"Ia demi memenuhi hasrat kerajaan bagi memastikan bekalan makanan negara sentiasa mencukupi untuk keperluan rakyat Malaysia," katanya.

Bina 15 pusat pengeluaran benih ikan

KUALA LUMPUR - Sebanyak 15 buah pusat pengeluaran benih ikan di seluruh Malaysia yang mampu mengeluarkan benih ikan sehingga 20 juta ekor setahun telah dibina di bawah Program Pembangunan Induk dan Pengeluaran Benih Kebangsaan.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Dr Ronald Khande berkata, usaha MAFI melalui Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) itu bagi memantapkan rantai perbekalan dalam pembangunan induk dan pembenihan ikan termasuk ikan patin.

"Bagi negeri Pahang, terdapat dua pusat pengeluaran benih ikan iaitu di Pusat Pengembangan Akuakultur Bukit Tinggi, Bentong dan Pusat Pengembangan Akuakultur Perlok, Jerantut yang disediakan oleh kerajaan untuk membantu penternak akuakultur mendapatkan benih ikan.

"Melalui Pusat Pengembangan Akuakultur di Bukit Tinggi dan Perlok, setiap penternak layak memohon bantuan benih dan makanan ikan secara percuma iaitu sekali bagi setiap penternak dengan nilai maksimum sebanyak RM10,000.

"Secara purata, benih ikan patin yang diedarkan kerajaan kepada penternak adalah sebanyak 5,000 ekor ber-

gantung kepada bilangan benih sedia ada di pusat berkenaan bagi membantu penternak mengembangkan hasil pengeluaran mereka," katanya ketika sesi pertanyaan lisan di Dewan Rakyat semalam.

Jawapan tersebut dibaca oleh Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi.

Beliau menjawab pertanyaan Ahli Parlimen Temerloh, Datuk Mohd Anuar Mohd Tahir berhubung usaha kementerian untuk memantapkan rantai perbekalan dalam pembangunan induk dan pembenihan ikan patin yang dikatakan sukar bagi pengusaha, khususnya dari Temerloh untuk mendapatkan anak ikan, selain harga bekalan yang meningkat.

Ronald menjelaskan, pengeluaran benih ikan negara juga disumbangkan oleh hatcheri (nursery) swasta dengan kerajaan turut membantu pengusaha hatcheri melalui naik taraf fasiliti dan pemberian bekalan input (benih dan makanan ikan) dengan nilai maksimum sebanyak RM200,000.

Menurutnya, bagi Pahang sahaja, terdapat 10 buah nursery yang berdaftar dengan DOF untuk penternak patin mendapatkan sumber benih.

Tiga empangan TNB siap sedia hadapi banjir

KUALA LUMPUR - Kesemua tiga janakuasa hidroelektrik milik Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah membuat persediaan bagi menghadapi musim tengkujuh sejak Ogos lalu.

Pengarah Urusan TNB Power Generation Sdn Bhd (TPGSB), Datuk Nor Azman Mufti berkata, ia termasuklah pengurusan paras empangan melalui pelepasan terkawal dan pemeriksaan menyeluruh di semua stesen janakuasa milik TNB.

"Latihan pengung-

sian dan ujian tahap ketersediaan bersama agensi kerajaan yang terlibat dengan pengurusan banjir turut dilakukan," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Menurutnya, TPGSB adalah anak syarikat milik penuh TNB yang bertanggungjawab terhadap pengurusan aset-aset penjana elektrik milik TNB termasuk empangan hidroelektrik TNB di Tasik Kenyir, Terengganu; Cameron Highlands, Pahang dan Sungai Perak di Perak.

Selain menjana tena-

ga hijau, katanya, empangan berkenaan turut berfungsi sebagai sistem tebatan banjir bagi mengelak berlakunya bencana lebih buruk terutama di kawasan hilir sungai.

"Sebelum musim tengkujuh tiba, paras air empangan diturunkan melalui pelepasan terkawal bagi membolehkan empangan menampung jumlah air hujan yang bakal meningkat.

"Dengan itu, tiada keperluan melepaskan air empangan secara mendadak pada musim tengkujuh," katanya.



TNB telah melancarkan persediaan awal sejak Ogos lalu di tiga empangan hidroelektrik miliknya termasuk di Stesen Janakuasa Saitan Mahmud, Kenyir bagi menghadapi musim tengkujuh pada tahun ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/12/2020	THE BORNEO POST	ONLINE	

Mardi bags four gold medals, one silver at ITEX 2020



Mohamad Roff announces the institute's achievement at ITEX 2020 during the press conference held at Mardi's headquarters. On his left is deputy director-general (research) Hasimah Hafiz Ahmad. — Bernama photo

SERDANG: The Malaysian Agricultural Research and Development Institute (Mardi)'s innovations, featuring the 'From Lab to Table' concept, bagged four gold medals and a silver in the International Invention, Innovation and Technology Exhibition (ITEX) 2020 competition.

Mardi director-general Datuk Dr Mohamad Roff Mohd Noor said Mardi was informed about the results online on Nov 21.

The innovations that won the gold medals were 'Edible Wrapper for Food Application'; 'Mardi Sebernas 307' paddy variety; 'Katjang-

Boer' goat breed; and 'Food Innovation for Healthy Ageing'.

Meanwhile, the Close Permanent Immense System (CPIS), as an alternative for effective breeding techniques for mass production of *Arundina graminifolia* or 'bamboo orchid', bagged the silver medal.

"The success proves that the technologies and innovations by Mardi, featuring the 'From Lab to Table' concept, not only can be used by the targeted groups, but they are also internationally-recognised as efforts to ensure the country's food security," he said when announcing the achievement to the media during a press conference at Mardi's headquarters here yesterday.

According to Mohamad Roff, the 'Edible Wrapper for Food Application' is a film technology that is used in packaging of various food items such as 'asam pedas' cubes, sausages, instant drinks and instant 'nasi kerabu'. The Mardi Sebernas 307 paddy variety is capable of generating high yields of up to 10 tonnes per hectare, moderately resistant against fungus and brown plant hopper (insect) and has reduced dependency on chemical pesticides and insecticides, he said.

"The Katjang-Boer goat is a breed that is suitable for the local climate, highly resistant to diseases and parasites with a better breeding and growing performance.

"For Food Innovation for Healthy Ageing, Mardi has succeeded in producing the first food innovation in Malaysia that is designed for healthy nutrition for the elderly group, containing high protein, high fibre and anthocyanin (blue, violet, or red flavonoid pigment found in plants)," said Mohamad Roff, adding that all the winning innovations had been commercialised in the local market.

Realising the importance of research and development in food security, he said Mardi would continue to develop new technologies in the agricultural and agro-food industries. — Bernama



Mohamad Roff bersama Timbalan Ketua Pengarah (Penyeidikan) MARDI, Hasimah Hafiz Ahmad ketika mengumumkan kemenangan MARDI pada Pertandingan ITEX 2020 di Ibu Pejabat MARDI, Serdang, semalam. (Foto BERNAMA)

MARDI menang lima pingat di ITEX 2020

Inovasi produk pembungkus boleh makan, makanan untuk penuaan sihat diiktiraf global

Serdang: Teknologi dan inovasi Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) berkonsepkan 'Dari Makmal ke Meja Hidangan' melakar kejayaan cemerlang pada pertandingan Invention, Innovation and Technology Exhibition 2020 (ITEX 2020) apabila meraih empat pingat emas dan satu perak daripada lima kategori yang disertai.

Mengumumkan kejayaan pertandingan yang diadakan dalam talian pada sidang media di ibu pejabat MARDI di sini, semalam. Ketua Pengarah MARDI, Datuk Dr Mohamad Roff Mohd Noor, berkata kemenangan itu dimaklumkan secara maya kepada pihaknya pada 21 November lalu.

Inovasi yang merangkul pingat emas ialah Pembungkus Boleh Dimakan Untuk Aplikasi Makanan, Varieti Padi MARDI Sebernas 307, Baka Kambing Baharu Katjang-Boer dan Inovasi Makanan Untuk Penuaan Yang Sihat.

Sistem rendaman berterusan tertutup yang berfungsi sebagai alternatif bagi teknik pembiakan berkesan bagi penghasilan Arundina graminifolia secara massa, pula memenangi pingat perak.

"Kejayaan ini membuktikan bahawa teknologi dan inovasi yang dihasilkan MARDI yang berkonsepkan 'Dari Makmal ke

Meja Hidangan' bukan sahaja digunakan oleh golongan sasar, malah mendapat pengiktirafan antarabangsa sebagai usaha menjamin sekuriti makanan negara," katanya.

Mengenai inovasi Pembungkus Boleh Dimakan Untuk Aplikasi Makanan, beliau berkata ia adalah teknologi filem yang diaplikasi antaranya sebagai bahan pembungkus kiub

asam pedas, sarung sosej, bahan pembungkus minuman segera dan bahan pembungkus nasi kerabu segera.

Varieti Padi MARDI Sebernas 307 pula adalah varieti mempunyai hasil tinggi sehingga 10 tan sehektar, sederhana rintang terhadap penyakit karah dan benah perang serta mengurangkan keberagutan penggunaan racun kawalan kimia.

Baka Kambing Baharu Katjang-Boer adalah baka yang sesuai dengan iklim tempatan, mempunyai ketahanan tinggi terhadap penyakit dan parasit serta prestasi pembiakan dan pertumbuhan lebih baik.

"Untuk Inovasi Makanan Untuk Penuaan Yang Sihat, MARDI berjaya menghasilkan inovasi makanan yang pertama di Malaysia direka untuk mempunyai nutrisi kesihatan untuk golongan tua yang mempunyai tinggi protein, tinggi fiber dan anthocyanins," katanya.

Mohamad Roff berkata, semua inovasi yang memenangi pingat di ITEX 2020 itu berjaya dikomersialkan pada peringkat pasaran tempatan.

"MARDI sentiasa membangunkan teknologi dalam industri pertanian dan agromakanan kerana menyedari peranan penyelidikan dan pembangunan terhadap sekuriti makanan negara," katanya.

BERNAMA

Kejayaan ini membuktikan bahawa teknologi dan inovasi yang dihasilkan MARDI berkonsepkan 'Dari Makmal ke Meja Hidangan' bukan sahaja digunakan oleh golongan sasar, malah mendapat pengiktirafan antarabangsa sebagai usaha menjamin sekuriti makanan negara.

Mohamad Roff Mohd Noor, Ketua Pengarah MARDI



Pemenang pertandingan ITEX 2020 ketika diumumkan di ibu pejabat MARDI, Serdang, semalam. (Foto Aziah Azme/BH)

UNIVERSITI MALAYA
Pusat Pendidikan Berterusan



MOHON SEKARANG
AMBILAN FEBRUARI
2021
KINI DIDUKA

PROGRAM SEPARUH MASA
DIPLOMA EKSEKUTIF
KHUSUS UNTUK WARGA BEKERJA

SYARAT KEMASUKAN

- Calon mempunyai sekurang-kurangnya 3 kredit SPM / Sijil APEL.
- Calon mempunyai pengalaman kerja minimum 1 tahun.

DIPLOMA EKSEKUTIF UM MENJADI PILIHAN WARGA BEKERJA

- Program yang dikuraf
- Kelas hujung minggu
- Lanjutan pengajian
- Peluang pembangunan kerjaya
- Struktur & sokongan pembelajaran yang ideal
- Belajar dengan mudah
- Pembayaran pengajian secara ansuran/KWSP/PTPTN/Pinjaman pendidikan/Sistem SBL (PSMB)
- Pengajian dalam dwi bahasa
- Pusat pengajian yang berhampiran

Kini berada di lokasi berhampiran anda!
Pusat Pembelajaran UMCCED:

- Kuala Lumpur • Kota Bharu • Bayan Lepas
- Kulim • Alor Setar • Kuala Lumpur • Johor Bahru

Mohon dan daftar dalam talian dengan memasukkan Kod Promosi: SDEF21-bH
bagi mendapatkan **Baucer Pendaftaran RM300!**

<http://online.umcced.edu.my>

TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 10 FEBRUARI 2021

Hubungi Kami Sekarang!

019-265 1194 / 019-265 0458 / 012-538 7027 / 011-6340 5373

PUSAT PENDIDIKAN BERTERUSAN UNIVERSITI MALAYA
Ages & Wisma R&D Universiti Malaysia, Jalan Pantai Baharu, 59900 Kuala Lumpur
Tel: 60-2245 3604 / 3605 / 3607 / 3609 / 3610 / 3611 / 3600 Faks: 60-2246 3611
E-mel: umcced@um.edu.my

www.umcced.edu.my
Berita Harian

250 mati setiap hari

Penternak ikan patin rugi setiap kali monsun timur laut melanda

Oleh Ahmad Rabiul Zulkifli
am@hmetro.com.my

Kuala Terengganu

“Saya berhadapan masalah dan kerugian sama apabila ikan patin ditermak mati mengejut sejak lebih 11 tahun lalu.”

Begitu kata Nordin Mohamad, 69, yang menderita rugi antara RM5,000 hingga RM9,000 ketika musim monsun timur laut pada setiap tahun.

Nordin atau lebih mesra dipanggil Pak Awie berkata, lebih 10 penternak ikan patin di sepanjang Sungai Terengganu di Kampung Pulau Bahagia di sini, turut mengalami kerugian sama pada setiap tahun.

“Sejak dua minggu lalu hingga hari ini (semalam), 100 hingga 250 ikan patin mati di sangkar saya setiap hari.”

“Hanya Allah saja tahu perasaan saya setiap kali melihat ratusan ikan ditermak mati dan terapung di dalam sangkar,” katanya.

Katanya, dia tidak dapat berbuat apa-apa bagi mengatasi masalah ikan mati tersebut.



NORDIN (kanan) menunjukkan ikan patin yang mati di sangkar miliknya.



“Justeru, sehingga kini punca utama ikan patin mati tidak dapat disahkan walaupun ada pihak berkaitan datang mengambil sampel air dan menjalankan kajian,” katanya.

Menurutnya, dia bernasib baik hanya ikan patin sahaja yang mati dan tidak membabitkan ikan air tawar lain yang ditermak seperti ikan baung, keli, talapia dan lampan.

“Tidak tepat jika ingin mendakwa kualiti air sungai bermasalah dan menyebabkan kematian ikan patin itu kerana ikan jenis lain tidak mati.”

“Oleh itu, saya merayu pihak bertanggungjawab

supaya mengenalpasti punca utama masalah itu dan berusaha mengatasinya kerana semua penternak tidak sanggup berhadapan kerugian sama saban tahun,” katanya.

Penternak lain Hairi Abdillah, 31, berkata, dia baru tiga tahun membabitkan diri dalam bidang penternakan ikan air tawar itu.

“Sudah tiga tahun berturut-turut saya rugi kerana ikan patin ditermak mati mengejut.”

“Jika diikuti hati ingin sahaja berhenti menernak, tetapi kerana minat tetap teruskan walaupun sedia maklum dengan masalah yang terpaksa dihadapi.”

“Saya hanya ada enam sangkar dengan modal kecil berbanding penternak lain, oleh itu jika ditimpa masalah seperti itu memang lebih dirasai,” katanya.

Penternak ikan Nazwadi Nordin, 40, berkata, kos kerugian ditanggung besar dan bergantung kepada saiz dan jumlah ikan di dalam sangkar dimiliki.

“Penternakan ikan air tawar berhadapan pelbagai cabaran dan risikonya. Selain ikan mati mengejut, ancaman pemangsa seperti memering, menjadi masalah utama,” katanya.

IKAN patin yang mati saban tahun sedang keruan kepada penternak di Kampung Pulau Bahagia, Manj, Kuala Terengganu.

1/12/2020

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

30

Pokok pisang musnah, rugi RM50,000



SERAMAI 16 pekebun pisang di Kampung Darat Teladas, Air Putih di Kemaman kerugian kira-kira RM50,000 selepas sebahagian pokok pisang mereka ditenggelami banjir. - UTUSAN/NIK NUR IZZATUL HAZWANI NIK ADNAN

KEMAMAN: Sebanyak 1,000 batang pokok yang diusahakan 16 pekebun pisang menerusi projek rancangan tanaman berkelompok musnah dilanda banjir dengan kerugian mencecah RM50,000.

Lebih menyedihkan apabila sebahagian pokok yang ditanam di kebun seluas 12 hektar itu sudah berbuah dan sedia untuk dituai.

Seorang pekebun, **Yahya Taib**, 78, berkata, banjir bukan sahaja memusnahkan lebih 100 batang tanamannya, malah, turut merosakkan pagar elektrik yang dipasang di kebun.

Katanya, antara pisang yang ditanam ialah berangan, nangka dan emas yang mendapat permintaan tinggi di pasaran.

“Sepatutnya buah boleh dipe-

tik dalam tempoh seminggu lagi tetapi tiada rezeki kami.

“Pokok dan pagar sudah rosak, memang rungsing memikirkan yang kami terpaksa membuat se-muanya semula,” katanya kepada pemberita di sini semalam.

Sementara itu, seorang pekebun, **Zulkifli Mat Sabdi**, 44, buntu dengan nasib malang yang terpaksa dilalui mereka yang sebelum ini sudah terkesan dengan serangan gajah.

“Bertimpa-timpa malang kami, baharu lega daripada serangan gajah liar kali ini diuji dengan bencana banjir.

“Saya berharap ada pihak yang prihatin terhadap masalah kami dan sudi membantu penduduk untuk mengusahakan kembali tanaman dan memperbaiki pagar,” katanya.

Pekebun pisang rugi RM50,000

Oleh NIK NUR IZZATUL HAZWANI
NIK ADNAN

KEMAMAN - Seramai 16 pekebun pisang kerugian lebih RM50,000 selepas sebahagian besar kebun mereka yang berkeluasan 12 hektar musnah akibat banjir besar di Kampung Darat Teladas dekat sini pada Jumaat lalu.

Dalam kejadian itu, dianggarkan lebih 1,000 pokok pisang jenis nangka, berangan dan emas yang diusahakan pekebun berkenaan secara projek tanaman berkelompok mati selepas kawasan berkenaan dinaiki air.

Seorang pekebun, Yahya Taib, 78, berkata, paling menyedihkan apabila sebahagian pokok pisang yang musnah itu telah berbuah dan hanya menunggu masa untuk dituai.

"Buah pisang itu sepatutnya boleh dipetik dan dipasarkan dalam tempoh seminggu lagi, tetapi tidak sangka pula banjir melanda.

"Bukan hanya pokok pisang yang mati, tetapi pagar elektrik yang dibina di kebun ini juga telah rosak dihanyutkan arus deras," katanya ketika ditemui Kosmo! di sini semalam.

Seorang lagi pekebun, Zulkifli Mat Sabdi, 44, berkata, nasib yang menimpa mereka kini umpama



PEKEBUN melihat keadaan pokok pisang yang musnah akibat dilanda banjir di Kampung Darat Teladas, Kemaman semalam.

sudah jatuh ditimpa tangga.

"Sebelum ini kebun kami sering menjadi sasaran gajah liar, namun sekarang ia musnah pula akibat banjir.

"Sebenarnya kebun kami terletak di kawasan yang agak tinggi dan selalunya tidak terjejas, namun banjir kali ini amat luar biasa," katanya.

Mohd. Sibili Kassim, 66, pula berkata, dia sudah memaklumkan kerosakan projek tanaman berkelompok tersebut kepada Jabatan Pertanian.

"Kami kena bermula semula kerana semuanya telah musnah. Bantuan Jabatan Pertanian dan agensi berkenaan amat diharapkan," katanya.



CHAHAYA (dr) melihat salah satu dari 66 buah sarang madu kelulut yang berjaya diusahakan semasa melawat tapak Kelulut Walk di kebunnya di Brisu. Gambar kecil kebun getah seluas kira-kira 2.02 hektar dibeli dengan harga RM290,000 masih lagi dalam proses awal pembukaan.

Alor Gajah

Terjejas dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada Mac lalu menyebabkan banyak sektor perniagaan ditutup selama hampir tiga bulan, lima pengusaha tadika nekad beralih arah menceburi bidang perladangan.

Langkah itu dibuat angkara penularan Covid-19, selepas menilai risiko yang dihadapi sekiranya tadika diusahakan sejak sekian lama, terpaksa ditutup akibat ketidakpastian ekonomi serta bagi memastikan kelangsungan hidup.

Malah, lima pengusaha ini turut memberi peluang kepada bekas banduan untuk bersama-sama mereka mengusahakan aktiviti pertanian berkenaan di sebuah tapak bekas kebun getah di Brisu, dekat sini.

Pemegang saham syarikat Mokpek Agro Sdn Bhd, Chahaya Abdul Manan, 59, berkata beliau dan empat lagi rakannya berpakat mengusahakan ladang berkonsepkan ecopelancongan dan menggabungkan tiga aktiviti iaitu pertanian, penternakan dan perikanan dalam bidang yang baru diceburi mereka itu.

5 tauke tadika jadi peladang

Pengusaha taman didikan kanak-kanak bertukar bidang hadapi pandemik koronavirus



Pada Jun lalu, kami mengambil keputusan terlibat dalam bidang perladangan dengan membeli kebun getah seluas 2.02 hektar

Chahaya

“Apabila tadika ditutup pada Mac lalu akibat penularan Covid-19, kami semua terfikir apa akan jadi jika ia berterusan dan melihat kepada perkembangan global, hanya aktiviti pertanian yang mampu bertahan dalam ekonomi mencabar.

“Pada Jun lalu, kami mengambil keputusan terlibat dalam bidang perladangan

dengan membeli kebun getah seluas 2.02 hektar berharga RM290,000 di Brisu. Pemegang saham masing-masing berasal dari Melaka, Selangor dan Johor,” katanya.

Chahaya yang juga Pengerusi Pertubuhan Penggalak Membaca Malaysia, berkata antara aktiviti dijalankan adalah tanaman pokok-kurma Ajwa, vanilla, kunyit hitam, halia Bentong selain penternakan ikan kelah, tilapia dan ikan pelaga serta penternakan rusa, kambing kacang (kuda padi dan penghasilan madu kelulut.

“Hasil aktiviti pertanian dan penternakan ini akan dijual memandangkan beberapa tumbuhan seperti vanilla, kunyit hitam, halia bentong serta madu kelulut mendapat permintaan tinggi daripada pasaran. Ladang

ini juga berpotensi dijadikan pusat latihan kepada kanak-kanak dan penduduk kampung yang mahu belajar mengenai pertanian secara integrasi selain sesuai dijadikan kawasan ekopelancongan,” katanya.

Beliau berkata pihaknya membuat pinjaman daripada Bank SME selain simpanan peribadi bagi merealisasikan hasrat membuka ladang berkenaan.

“Setakat ini, ladang ini berjaya menyiapkan ‘Kelulut Walk’ yang mempunyai 66 sarang kelulut walaupun hanya lima bulan beroperasi manakala aktiviti pertanian dan penternakan sedang dijalankan dari semasa ke semasa. Kami jangka akan dapat menuai hasil dalam beberapa bulan akan datang,” katanya. - Bernama

Five kindy operators turn to farming

Enterprising friends stay productive by adapting to changing economic landscape

ALOR GAJAH: To cope with the changing landscape due to the Covid-19 pandemic, five kindergarten operators have ventured into farming.

The decision was made after assessing the risks they would face if the kindergartens, which had been operating for so long, had to be shut down due to economic uncertainties.

The group of five entrepreneurs also provided an opportunity for ex-prisoners to join them in carrying out agricultural activities at a former rubber plantation site in Brisu near here.

Chahaya Abdul Manan, 59, shareholder of Mokpek Agro Sdn Bhd, said she and four friends agreed to set up an ecotourism concept farm in Brisu, which combines agriculture, livestock breeding and fishery activities.

She added when the kindergartens were closed in March due to the first MCO, she and the other kindergarten operators came to



Nature's bounty: Chahaya (left) checking an apiary at her farm in Brisu, Alor Gajah. — Bernama

the conclusion that agricultural activities could survive in a challenging economy.

"In June, we decided to take up

farming by purchasing a 2.02ha rubber plantation in Brisu worth RM290,000. The shareholders are from Melaka, Selangor and Johor."

she said in an interview.

Chahaya, who also serves as chairman of the Malaysian Reading Promotion Organisation, said that among the activities carried out at the farm were the planting of ajwa dates, vanilla, black turmeric and bentong ginger.

There is also the breeding of kelah (*golden mahseer*), tilapia and catfish, the rearing of deer, pygmy goats, ponies and production of honey from stingless bees (*kelulut*).

"The products will be sold as some of them, such as vanilla, black turmeric, bentong ginger and kelulut honey, are in very high demand.

"This farm also has the potential to be a training centre for children and villagers who want to learn about agriculture in addition to being suitable as an eco-tourism area," she added.

Chahaya and the entrepreneurs applied for loans from SME Bank and also used their personal savings to realise their dream to

open the farm.

"The farm has successfully completed the 'Kelulut Walk' with 66 kelulut nests, even though it has only been operating for five months, while agricultural and livestock activities are being carried out from time to time.

"We expect to be able to harvest in the next few months."

Chahaya said the farm also offered opportunities to reformed former prisoners by allowing them to become shareholders.

Two former prisoners, aged 27 and 49, have been accepted as shareholders in the company.

When tabling Budget 2021 in the Dewan Rakyat on Nov 6, Finance Minister Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz said that the government would be giving additional tax deductions to employers who provided employment opportunities to former convicts and drug addicts, and helped them to re-integrate with society. — Bernama